

'RAKYAT MISKIN TAK DISIA-SIA'

PORT DICKSON, Isnin — Kerajaan tidak akan menstiasakan golongan miskin, malah akan menumpukan perhatian kepada mereka dalam pengagihan kekayaan negara.

Demikian jaminan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Kerajaan, tidak berpandu kepada dasar membiarkan yang kaya bertambah kaya manakala yang miskin

semakin miskin, katanya, ketika membuka projek perumahan rakyat Kampung Paya, Lukut, dekat sini.

Golongan miskin adalah lebih ramai bilangan mereka dari yang kaya dan Kerajaan mengamalkan dasar supaya yang kaya itu, menerusi cukai-cukai, membantu yang miskin agar mereka dapat hidup dalam kesempurnaan.

Dalam zaman sebelum merdeka dahulu, Kerajaan hanya

mencukai yang kaya demi untuk menolong golongan yang kaya juga sehingga mereka menikmati berbagai nikmat sedangkan golongan miskin tidak diberi perhatian langsung.

Projek perumahan rakyat Kampung Paya yang menelan belanja \$3 juta itu terletak di atas kawasan seluas 10 hektar, mengandungi 190 unit rumah murah.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang berada di Negeri Sembilan untuk lawatan singkat berkata,

selepas merdeka, Kerajaan yang mewakili semua kaum telah melaksanakan berbagai projek pembangunan dan buktinya terdapat di mana-mana sahaja.

Berganda

Dari setiap 15 buah bangunan yang ada dalam negara sekarang ini, empat adalah dibangunkan selepas merdeka, menunjukkan bahawa pembangunan telah berlaku empat kali ganda jika dibandingkan

dengan zaman sebelum merdeka, katanya.

Ini semua dapat dilakukan kerana kerajaan yang memerintah adalah sebuah kerajaan yang stabil.

Kata Datuk Seri Dr. Mahathir, untuk meneruskan segala usaha pembangunan tersebut, kerajaan yang memerintah hendaklah kerajaan yang kuat serta mendapat mandat secukup-cukupnya dari rakyat.

Katanya, Kerajaan yang tidak memperoleh

mandat yang cukup tidak akan menjadi kuat dan berkesan, malah akan sentiasa digugat oleh golongan-golongan lain.

Turut hadir dalam upacara itu ialah Menteri Besar, Datuk Rais Yatim.

Ketibaan Datuk Seri Dr. Mahathir di sini disambut meriah oleh penduduk-penduduk Port Dickson. Kira-kira 150 penunggang motosikal menyertai perarakan mengiringi beliau ke Lukut.